




PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
[OFFICE OF THE DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF HEALTH (PUBLIC HEALTH)
DEPARTMENT OF PUBLIC HEALTH
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA]
ARAS 12, BLOK E7, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA, MALAYSIA.



No. Tel : 03-8000 8000
No. Fax : 03-8889 5601



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.500-6/4/2 Jld. 6 (98)
Tarikh : 22 Mei 2020

SENARAI EDARAN

Tuan/ Puan,

PROSES KUARANTIN BAGI PENGAMAL PERUBATAN AM (GENERAL PRACTITIONERS) KETIKA PANDEMIK COVID-19

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan e-mel daripada Tuan bertarikh 14 Mei 2020 adalah berkaitan.

2. **Sebagaimana** Tuan/Puan sedia maklum, Malaysia telah mengalami wabak COVID-19 bermula semenjak dari bulan Januari 2020. Satu Garis Panduan Pengurusan COVID-19 tentang langkah-langkah kawalan dan pencegahan serta pengendalian kes telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di laman web www.moh.gov.my yang telah dan masih dikemaskini dari semasa ke semasa.

3. Merujuk kepada proses pengendalian kes atau kontak, ianya masih sama sebagaimana yang dinyatakan di dalam surat daripada KKM bertajuk Tindakan Yang Perlu Diambil oleh Pengamal Perubatan Swasta Semasa Wabak Jangkitan COVID-19 bertarikh 11 April 2020 sebagai rujukan dan panduan pihak Tuan/Puan. Pengamal Perubatan adalah dikehendaki:

- 3.1 Memaparkan papan tanda memohon pesakit memaklumkan gejala COVID-19, sejarah perjalanan ke luar negara atau kontak kepada kes positif;
- 3.2 Memberi penutup hidung dan mulut (*mask*) dan *sanitizer* tangan serta mengasingkan pesakit di tempat khusus sehingga berjumpa dengan doktor;
- 3.3 Memastikan semua anggota memakai alat pelindung diri yang bersesuaian semasa mengendalikan pesakit tersebut;
- 3.4 Mengambil sejarah perubatan pesakit yang lengkap termasuk sejarah pendedahan kepada kes COVID-19, kehadiran ke mana-mana sesi perhimpunan dan sejarah perjalanan ke luar negara;



(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)
(Please quote our reference number while replying)

- 3.5 Memastikan langkah-langkah pencegahan di premis diikuti oleh anggota termasuk:
 - 3.5.1 Mengamalkan kebersihan tangan yang kerap;
 - 3.5.2 Menggunakan alat pelindung diri (PPE) yang sesuai mengikut tugas yang dijalankan;
 - 3.5.3 Mengamalkan penjarakan sosial di mana sesuai.
 - 3.6 Mengambil pendekatan supaya semua kes *pneumonia* dan *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) adalah dianggap sebagai kes COVID-19 sehingga dibuktikan sebaliknya. Pengurusan klinikal bagi kes *Influenza Like Illness* (ILI) juga harus dilakukan secara berhati-hati dengan *high index of suspicious* COVID-19;
 - 3.7 Pengamal yang memeriksa pesakit selain daripada pesakit COVID-19 positif perlu menggunakan alat penutup hidung dan mulut (*face mask*);
 - 3.8 Pengamal perubatan yang mengalami gejala perlu menjalani pemeriksaan kesihatan;
 - 3.9 Melaporkan perincian kes kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berhampiran jika terdapat kes *Patient Under Investigation* (PUI);
 - 3.10. Melakukan disinfeksi di kawasan tempat menunggu selepas kes sudah keluar dari premis.
4. Sekiranya terdapat kes positif yang mempunyai sejarah mendapat rawatan di mana-mana premis pengamal perubatan, pihak PKD akan mengeluarkan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah di bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] terhadap mana-mana kakitangan klinik berkenaan berdasarkan hasil siasatan terutamanya terhadap kepatuhan langkah-langkah kawalan dan pencegahan jangkitan (sila rujuk annex 8, *The Infection Prevention and Control Measure*, IPC), pengesanan kontak dan penilaian risiko yang dilakukan. Nasihat tentang proses pembersihan dan nyah kuman juga akan diberikan.
5. Tiada keperluan bagi pihak klinik untuk memberhentikan perkhidmatan sekiranya semua langkah yang dinyatakan di dalam IPC telah dipatuhi. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020.

6. Perhatian pihak Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

Presiden
Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)
Tingkat 4, 124 Jalan Pahang
Titiwangsa Sentral
53000 Kuala Lumpur

Presiden
Medical Practitioner Coalition Association of Malaysia (MPCAM)
No. 17-2, Jalan PJS 8/12
Dataran Sunway Mentari
46150 Petaling Jaya
Selangor

Presiden
Pertubuhan Doktor-doktor Islam Malaysia (PERDIM)
No.9-1, Suria Jelutong, Jalan Bazar U8/99
Bukit Jelutong, Shah Alam
40150 Selangor



Presiden
Federation of Private Medical Practitioner Association of Malaysia (FPMPAM)
Unit 1.6, Aras 1, Enterprise 3B, Jalan Inovasi 1
Taman Teknologi Malaysia
Lebuhraya Puchong-Sungai Besi, Bukit Jalil
50000 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Pakar Amalan Perubatan Swasta Malaysia
Unit.1.6, Level 1, Enterprise 3B, Jalan Inovasi 1
Taman Teknologi Malaysia
Lebuhraya Puchong-Sungai Besi, Bukit Jalil
50000 Kuala Lumpur